

RABU

27 02
2019**BH** SKOR

bhskor@bh.com.my

\$31 BAHASA INGGERIS 1 Informal Letter
\$32 MATEMATIK Asas Nombor

MEMBIMBING
KE ARAH
KEMAHIRAN
BERFIKIR
ARAS TINGGI
(KBAT)



PELENGKAP KURIKULUM

➔ Banyak manfaat diperoleh pelajar demi masa depan mereka

Oleh **Faizatul Farhana Farush Khan**
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sebaik melangkah ke tahun pertama persekolahan rendah, setiap pelajar perlu membabitkan diri dalam tiga aktiviti kokurikulum, iaitu badan beruniform, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan.

Keperluan ditetapkan Kementerian Pendidikan yang perlu diteruskan sehingga berada di Tingkatan Lima itu, menjadi syarat bagi membolehkan pelajar memperoleh pemarkahan kokurikulum.

Namun, penetapan dibuat kementerian itu bukan semata-mata membolehkan pelajar memiliki resume membanggakan dan aktif dalam rutin kehidupan, tetapi banyak manfaat diperoleh mereka bagi kebaikan masa depan. **S28**

Layari www.FullAMark.com.my untuk melanggan bagi mendapatkan lebih banyak **soalan SPM**

Bahasa Melayu (Kertas 2)

Tajuk Prosa Tradisional

- (i) 'Kepimpinan Melalui Teladan' dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*.
(ii) 'Burung Terbang Dipipiskan Lada' dalam antologi *Sejadah Rindu*.

Bentuk soalan

- Soalan (i) – Soalan pemahaman tentang maksud sesuatu frasa atau rangkai kata atau pengetahuan
Soalan (ii) – Soalan pengetahuan (jawapan dalam petikan)
Soalan (iii) – Soalan kemahiran berfikir

Kepimpinan Melalui Teladan

- ⊗ Raja Siam telah menghantar wakil berjumpa Sultan Muzaffar Syah meminta supaya Melaka tunduk kepada Raja Siam. Sultan Muzaffar menolaknya.
- ⊗ Raja Siam marah dan menghantar hulubalangnya, Awi Cakri menyerang Melaka.
- ⊗ Sultan Muzaffar mengarahkan rakyatnya berhimpun di Melaka. Tun Perak yang datang dari Kelang telah membawa pengikutnya bersama-sama anak isteri masing-masing.
- ⊗ Tentera Siam yang datang menyerang dapat dikalahkan dan Tun Perak dilantik sebagai bentara.
- ⊗ Tun Perak diuji apabila ada orang dari Kelang yang mengatakan bahawa dia dianiaya oleh Tun Perak. Sultan memanggil Tun Perak mengadap. Tun Perak meminta Sultan memecatnya jika percaya percakapan orang Kelang itu sedangkan dia bertugas dengan sepenuh hati. Sultan puas hati dengan jawapan Tun Perak dan melantik Tun Perak menjadi Perdana Menteri dengan gelaran Paduka Raja setaraf dengan seorang lagi pegawai iaitu Seri Nara Diraja.
- ⊗ Orang Melaka berpecah dua. Sebahagian berpihak kepada Paduka Raja dan sebahagian berpihak kepada Seri Nara Diraja.
- ⊗ Sultan sedih dan bercadang mendamaikan mereka berdua.
- ⊗ Baginda sanggup memberikan Tun Kudu anak Bendahara Seri Wak Raja iaitu saudara Paduka Raja supaya dapat dikahwinkan dengan Seri Nara Diraja. Tun Kudu, asalnya ialah isteri Sultan. Sejak dikahwinkan, hubungan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja menjadi erat. Seri Nara Diraja turut menyokong Paduka Raja menjadi Bendahara.
- ⊗ Siam di bawah Awi Dicu menyerang Melaka lagi. Paduka Raja mengetuai pertahanan Melaka untuk menentang Siam.
- ⊗ Anak Seri Bija Diraja yang bernama Tun Umar diminta melihat-lihat perahu Siam oleh Paduka Raja. Tun Umar yang gila-gila bahasa telah melanggar perahu-perahu Siam tersebut. Pada waktu malam pula, Paduka Raja memerintahkan rakyat Melaka menambat puntung api pada pokok kayu bakau di tepi pantai. Cahaya api yang meliuk-liuk disangka oleh orang Siam sebagai rakyat Melaka yang ramai menyebabkan askar Siam ketakutan. Akhirnya, mereka tidak jadi menyerang Melaka.
- ⊗ Paduka Babunnya sangat marah mendengar tenteranya berundur sehingga dia sendiri ingin keluar menyerang Melaka. Seorang anaknya yang bernama Cau Pandan menawarkan diri untuk menyerang Melaka.
- ⊗ Berita itu sampai ke Melaka. Pada masa itu, ada seorang bangsa Arab bernama Tuan Sidi Arab yang gemar bermain panah. Dia menghalakan panahnya ke Siam sambil mengatakan Cau Pandan akan mati. Di Siam, Cau Pandan berasa sakit dada kemudian muntah darah lalu mati.
- ⊗ Sultan Muzaffar mangkat setelah memerintah selama 42 tahun lalu digantikan oleh anakanda baginda, Raja Abdullah yang digelar Sultan Mansur Syah.

Burung Terbang Dipipiskan Lada

- ⊗ Seri Betara Majapahit berbincang dengan Patih Gajah Mada untuk mencari jalan menewaskan Melaka setelah kematian penjurit tujuh bersaudara.
- ⊗ Patih Gajah Mada mengarahkan Kertala Sari membunuh Sultan Melaka dan Laksamananya.
- ⊗ Patih Gajah berjanji akan menjadikan Kertala Sari sebagai penggawa agung.
- ⊗ Kertala Sari tidak mahu menjadi penggawa selagi tidak membunuh Raja Melaka.
- ⊗ Di Melaka, Kertala Sari menyamar sebagai pengikut Patih Kerma Wijaya.
- ⊗ Kertala Sari sengaja membuat onar dengan mencuri harta saudagar-saudagar dan orang-orang kaya serta mencabul isteri-isteri mereka.
- ⊗ Sultan Melaka menitahkan Temenggung dan orangnya berkawal pada malam hari.
- ⊗ Kecurian masih tetap berlaku kerana Kertala Sari menggunakan ilmu kesaktian untuk menggelakkan diri daripada ditangkap.
- ⊗ Laksamana berpendapat penjurit tersebut bukan calang-calang orang lalu meminta izin daripada Sultan untuk berhadapan dengan penjurit itu.
- ⊗ Laksamana dapat membunuh Kertala Sari di pasar.
- ⊗ Rakyat Melaka datang menghadap Sultan dengan mengatakan bahawa merekalah yang membunuh Kertala Sari. Laksamana telah menunjukkan bukti yang lebih kukuh kepada Sultan bahawa beliau adalah yang telah berjaya membunuh Kertala Sari.

PEMAHAMAN PROSA TRADISIONAL

- ⊗ Hasil curian yang telah disimpan oleh Kertala Sari di Bukit Cina dibawa ke istana. Sultan Melaka telah meminta harta tersebut dibahagi tiga. Dua bahagian untuk Laksamana dan satu bahagian untuk tuan punya harta. Laksamana hanya mengambil satu bahagian sahaja dan bahagian tersebut kesemuanya telah diagihkan oleh Laksamana kepada fakir miskin dan orang-orang bawahannya.
- ⊗ Berita kematian Kertala Sari sampai ke pengetahuan Patih Gajah Mada di Majapahit. Patih Gajah Mada terus berusaha mencari orang yang dapat membunuh Laksamana dan Raja Melaka.

Latihan 1

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hatta, maka orang Siam pun datanglah, lalu perang dengan orang Melaka. Ada beberapa lamanya berperang, maka banyaklah rakyat Siam yang mati, Melaka tiada alah. Maka rakyat Siam pun kembalilah, seraya ia pulang segala rotan ikat barang-barangnya semuanya dicampakkannya di hulu Muar. Maka rotan itu pun tumbuh, itulah dinamai orang Rotan Siam, manakala pasungan kayu ara itu pun tumbuh juga, datang sekarang di hulu Muar juga, dan tumang Siam tempat bertanak itu pun tumbuh juga, datang sekarang. Telah rakyat Siam sudah pulang, maka segala orang teluk rantau pun kembalilah masing-masing ke tempatnya. Maka Tun Perak tiada diberi baginda pulang lagi ke Kelang, diam di Melaka, dijadikan baginda bentara.

Maka ada seorang orang Kelang mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit. Maka ia berdatang sembah ke bawah duli baginda. Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta menyuruh berkata kepada Tun Perak. Maka Tun Perak pun datang menghadap. Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, "Orang ini, ya Tuan Tun Perak, mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan, mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah maka demikian pekerti tuan hamba?"

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada' dalam antologi *Sejadah Rindu* Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Bagaimanakah Rotan Siam mendapat nama? [2 markah]
- (ii) Apakah perkara dan maksud di sebalik kata-kata yang disampaikan oleh Seri Amerta kepada Tun Perak? [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Duli Yang Dipertuan, jelaskan tindakan-tindakan yang perlu anda lakukan untuk menyelesaikan aduan yang dinyatakan oleh orang Kelang itu. [3 markah]

Latihan 2

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dengan demjikan habislah kaki tangan Kertala Sari dikeratnya dibawanya kepada raja. Maka baginda pun menjadi hairan.

Maka titah baginda kepada Bendahara, "Ayo mamak Bendahara, kita pun hairan kelakuan ini. Siapakah juga yang sungguh ini?"

Maka sembah Bendahara, "Ya tuanku pada bicara patik, dua pertandaan lagi maka sungguh; tambahan Laksamana belum datang."

Seketika lagi maka Laksamana pun datang membawa syahwat dan keris Kertala Sari. Maka sembah Bendahara, "Inilah, tuanku pertandaan yang sungguh. Pada bicara patik, jika lain daripada Laksamana, tiada akan dapat membunuh penjurit itu. Jangankan membunuh dia, menentang matanya pun tiada dapat." Maka segala mereka itu pun masing-masing tunduk kemalu-maluan, lalu kembali.

Maka titah baginda, "Bagaimana tipu Laksamana maka dapat membunuh penjurit itu?" Maka diceritakannya segala hal ehwalnya. Maka baginda pun hairan terlalu sukacita. Maka baginda pun memberi anugerah akan Laksamana. Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, baiklah titahkan segala rakyat berangkuat segala harta itu."


Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan' dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*. Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud rangkai kata *pertandaan yang sungguh*. [2 markah]
- (ii) Apakah jawapan Bendahara kepada Raja sehingga rakyat Melaka yang mengaku membunuh Kertala Sari dengan membawa beberapa bukti berasa malu? [3 markah]
- (iii) Tugas Bendahara sebagai orang kanan Raja sangat berat kerana memikul banyak tanggungjawab. Berdasarkan petikan di atas, apakah sikap-sikap yang ada dalam diri Bendahara? [3 markah]

INFORMAL LETTER

This week, we are going to look into details on DIRECTED WRITING question which is on informal letters. Writing a letter is a practice that is not so popular among students nowadays. But students have to remember that you are required to learn this dying art for your SPM! So let's get started.

Figure 1
Format of Informal Letter




As you can see in Figure 1, it is the format of an informal letter. Please take note that items number 1, 3 and 8 (highlighted in red) are compulsory in order to get the format marks. For the rest of the items, even though there is no mark allocated to them, it is always a good practice to write your letter in a proper format. No harm in writing appropriately. Now let us look into the details of each item:

- 1 Writer's address** – you need to write an address at the top right hand corner of the page. It can be of real address or you can create any address that strike you fancy!
- 2 Date** – you can use any form of date; 12 September 2019, 12.09. 2019, September 12
- 3 Salutation / Greeting** – the word DEAR is compulsory in your salutation; eg, Dear Siti
- 4 Opening remarks** – when you are writing a letter, before you state the reason of you writing it you should start by making few polite inquiries about the recipient, usually about their family, health or their current condition. This opening remarks are usually quite short and simple. Don't waste your time by writing a lengthy paragraph. Here are some simple ideas for it.
 - (i) *How are you there? I hope you are doing fine especially in your study. I am doing great here but a bit busy with all the extra activities after school.*
 - (ii) *It has been almost two months since I last saw you. Why the long silence? Hope you are as fit as a fiddle.*
 - (iii) *We miss you at home. Hope you are doing fine at your new school. Mum always asks when you are coming home.*

5 Body of the letter – this is where most of your marks will be allocated. Before you start writing your points, please make sure you read the question and count the points provided. You should have 12 content points altogether. If you do not have 12 points provided, read the question further because it will be stated in the question if you are required to provide your own points. You should write down your extra points before you start writing your letter so you will not forget about it.

Next, you should divide the 12 points into 3 or 4 paragraphs. This is to make sure you will use all the points provided. You are not required to elaborate on all the 12 points so work smart and choose the points that you really know how to elaborate! For a better understanding of how to plan your paragraphing and elaboration of points, look at the content points provided in **Task 1**.

This question only provide you with 9 content points which means you need to add three of your own points as mentioned in the task. Let do that first.



Now you have all the 12 content points. Then comes the paragraphing. I suggest you follow the sequence of points provided. You can put **P1, P2, P3** and **P4** in one paragraph. You can start your first content paragraph with something simple.

- (i) *The reason I am writing this letter is to encourage you to participate in the camp (P1) organised by your school. In your last letter, you mentioned that you did not want to take part in an outdoor activity. Actually there are a lot of benefits (P2) you can gain by attending this type of activity. First of all you can learn to be more independent (P3). During the camp you are required to do almost everything on your own. You have to pitch up your own tent, cook your meal and wash your own clothes. Mummy will not be there to help you with these chores. All these activities are really good for you to be more independent. At the camp, you can build your confidence (P4) too. Lots of activities.....(fill with some elaboration and example)*

Elaboration and example for P3

As you can see in my sample paragraph above, I do not elaborate all the 4 points. I just give some elaborations and examples for P3 and P4. Actually, you can choose to elaborate on any points that you know. Then you can go on writing your next paragraph. In the second content paragraph you can write about **P5, P6** and **P7**.

- (i) *Another benefit that you can get through the camp is you can learn about teamwork (P5). Since most of the activities during the camp will be in done in group, there are many ways for you to learn to communicate with each other. Usually when your group is given certain task, you and your group members will have to sit and discuss on how to complete the task. Just imagine that your group is given the task of cooking lunch for everyone. Your group will have to divide the work among the group members. A good teamwork will definitely help to complete the task and you will also have a lot of fun (P6) while doing all these!*

Elaboration and example for P5

I am sure you have an idea on how to write your content paragraph now. Please make sure you use all the 12 points in your letter.

- 6 Closing remark** – it is a short paragraph before you end your letter. Here are some suggestions for closing remark.
- (i) *This is all the time I have tonight. I have to go to bed now. I hope you will think about my suggestion and join the camp. Till the next letter brother.*
 - (ii) *It's getting late so I have to pen off now. Really hope that you will join the camp. Talk to you soon.*
 - (iii) *I have to stop here because I need to complete my assignment. Please think about what I have mentioned in the letter and I hope to see you soon.*
- 7 Complementary close** – for informal letter we usually use Yours Sincerely but you can use anything that crosses your mind!
- 8 Signature / Name** – it is compulsory to sign your name or simply write you name to get 1 more mark for the format.

I have explained to you in details on how to write an informal letter. I really hope that I manage to make it clear and easier for you to write your letter. I hope you will try to complete Task 1 and discuss your answer with your teacher and friends. Till then stay safe and enjoy English!

Task 1

You have just received a letter from your younger brother informing you about an outdoor activity that is being organized by his school. However, he does not want to participate in the camp. Write a letter to your brother urging him to attend the camp. In your letter, you should:

- Encourage your brother to join the camp **P1**
 - Inform him of the benefits he will gain;
 - Learn to be more independent **P2**
 - Build his confidence **P3**
 - Learn teamwork **P4**
 - Have some fun **P5**
 - New experiences **P6**
 - Inform him of the interesting activities he can take part in – Give at least three activities **P7**
 - Preparations he should make before the camp **P8**
- P9**
P10
P11 } You need to write your own points
P12

ASAS NOMBOR

Nombor dalam asas sepuluh ialah nombor yang kita gunakan setiap hari. Sepuluh digit yang digunakan dalam asas sepuluh ialah 0, 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8 dan 9.

Nombor dalam Asas Dua	Nombor dalam Asas Lapan	Nombor dalam Asas Lima
Digit yang digunakan 0 dan 1 Contoh: 10110_2	Digit yang digunakan 0, 1, 2, 3, 4, 5, 6 dan 7 Contoh: 365_8 , 17432_8	Digit yang digunakan 0, 1, 2, 3 dan 4 Contoh: 444_5 , 3201_5

Perbandingan antara nombor dalam asas dua, lapan dan lima dengan nombor dalam asas sepuluh.

Asas Sepuluh	Asas Dua	Asas Lapan	Asas Lima
0	0	0	0
1	1	1	1
2	10	2	2
3	11	3	3
4	100	4	4
5	101	5	10
6	110	6	11
7	111	7	12
8	1000	10	13
9	1001	11	14

Contoh 1:
Cari nilai bagi digit yang bergaris dalam setiap nombor berikut:
(a) 1011_2
(b) 3514_8

Jawapan:

(a)

Nilai tempat	2^3	2^2	2^1	2^0
Nombor	1	0	1	1

Nilai bagi digit 1 yang bergaris = $1 \times 2^1 = 2$

(b)

Nilai tempat	8^3	8^2	8^1	8^0
Nombor	3	5	1	4

Nilai bagi digit 5 yang bergaris = $5 \times 8^2 = 320$

Contoh 2:

- (a) Ungkapkan $8^3 + 5$ dalam asas 8.
(b) Ungkapkan $2(5^3) + 4(5^2) + 3(5)$ dalam asas 5.

Jawapan:

(a)

8^3	8^2	8^1	$8^0 = 1$
1	0	0	5

$8^3 + 5 = 1005_8$

(b)

5^5	5^4	5^3	5^2	5^1	$5^0 = 1$
2	0	4	0	3	0

$2(5^5) + 4(5^3) + 3(5) = 204030_5$

Contoh 3:

- (a) Jika $321_5 = P(5^2) + 11$, maka $P =$
A 2 C 4
B 3 D 10

- (b) Jika $m_2 = 2^4 + 2^3$, maka $m =$

Jawapan:

- (a) $321_5 = P(5^2) + 2(5^1) + 1(5)$
 $P = 3$ (B)

(b)

2^4	2^3	2^2	2^1	2^0
1	1	0	0	0

$m = 11000$

Latihan

- What is the value of the digit 2, in base ten, in the number 4201_5 ?
Apakah nilai bagi digit 2, dalam asas sepuluh, dalam nombor 4201_5 ?
A 20 C 200
B 50 D 250
- What is the value of the digit 5, in base ten, in the number 2536_8 ?
Apakah nilai bagi digit 5, dalam asas sepuluh, dalam nombor 2536_8 ?
A 40 C 320
B 64 D 500
- Given $4 \times 5^3 + 3 \times 5^2 + 5k = 4320_5$, find the value of k .
Diberi $4 \times 5^3 + 3 \times 5^2 + 5k = 4320_5$, cari nilai k .
A 0 C 3
B 2 D 4
- $110010_2 - 11101_2 =$
A 101101_2 C 11000_2
B 100101_2 D 10101_2
- Given $2^k + 2^2 = 1000100_2$, find the value of k .
Diberi $2^k + 2^2 = 1000100_2$, cari nilai k .
A 3 C 5
B 4 D 6
- Given $10_8 < p < 15_{10}$ such that p is a prime number in base ten. Which of the following is the possible value of p , in base two?

Diberi $10_8 < p < 15_{10}$ dengan keadaan p ialah satu nombor perdana dalam asas sepuluh. Antara yang berikut, yang manakah nilai p yang mungkin, dalam asas dua?

- A 1100_2 C 1110_2
B 1101_2 D 1111_2

- 7 Given $763_8 = k_{10} - 9_{10}$, find the value of k .
Diberi $763_8 = k_{10} - 9_{10}$, cari nilai k .

- A 484 C 502
B 491 D 508

- 8 Express $3 \times 5^5 + 2 \times 5^2 + 1$ as a number in base five.
Ungkapkan $3 \times 5^5 + 2 \times 5^2 + 1$ sebagai satu nombor dalam asas lima.

- A 300020_5 C 30201_5
B 300201_5 D 30210_5

- 9 Given $P_8 = 8(8^4 + 8^2 + 1)$, find the number of digits in P .
Diberi $P_8 = 8(8^4 + 8^2 + 1)$, cari bilangan digit dalam P .

- A 3 C 6
B 5 D 7

- 10 Given $m_2 - 10010_2 = 10010101_2$, find the value of m .
Diberi $m_2 - 10010_2 = 10010101_2$, cari nilai m .

- A 10001100 C 10100111
B 10011010 D 11110001

- 11 $10010_2 - 1001_2 =$

- A 1001_2 C 1011_2
B 1010_2 D 1100_2

- 12 $1001_2 + 101001_2 =$
A 100100_2 C 111010_2
B 110010_2 D 111101_2

- 13 Express $8^4 + 4(8^2) + 5$ as a number in base eight.
Ungkapkan $8^4 + 4(8^2) + 5$ sebagai satu nombor dalam asas lapan.
A 445_8 C 1045_8
B 455_8 D 10405_8

- 14 Convert $6 \times 8^4 + 2 \times 8^2 + 3$ to a number in base eight.
Tukarkan $6 \times 8^4 + 2 \times 8^2 + 3$ kepada satu nombor dalam asas lapan.
A 6023_8 C 60203_8
B 6230_8 D 60230_8

- 15 Which of the following has the largest value?
Antara berikut, yang manakah mempunyai nilai yang paling besar?
A 1100_2 C 15_8
B 24_5 D 12_{10}

- 16 Given $1k1_8$ is a three-digit number in base eight. Find the value of k if $1k1_8 = 1011001_2$.
Diberi $1k1_8$ ialah satu nombor tiga digit dalam asas lapan. Cari nilai k jika $1k1_8 = 1011001_2$.
A 2 C 4
B 3 D 5

- 17 Convert 25_{10} to a number in base two.
Tukar 25_{10} kepada nombor dalam asas dua.

- 18 Convert 410_{10} to a number in base eight.
Tukar 410_{10} kepada nombor dalam asas lapan.

INDEKS DAN LOGARITMA

Indeks
 a^n , nilai $a \neq 0$

Hukum Indeks

- $a^m \times a^n = a^{m+n}$
- $a^m \div a^n = a^{m-n}$
- $(a^m)^n = a^{m \times n}$
- $(ab)^m = a^m b^m$
- $\left(\frac{a}{b}\right)^m = \frac{a^m}{b^m}$

Logaritma

$y = a^n$
 \updownarrow
 $\log_a y = n$
Nilai $a \neq 0, a > 0$

Hukum Logaritma

- $\log_a xy = \log_a x + \log_a y$
- $\log_a \frac{x}{y} = \log_a x - \log_a y$
- $\log_a b^n = n \log_a b$

Penukaran Asas Logaritma

- $\log_a b = \frac{\log_c b}{\log_c a}$
- $\log_a b = \frac{1}{\log_b a}$

Perkara Lazim tentang Logaritma

- $a^{\log_a x} = x$
- $\log_a 1 = 0$
- $\log_a a = 1$
- $\log_a a^n = n$
- $\log_a^n a = \frac{1}{n}$

Contoh 1:
Selesaikan persamaan berikut.

$$\frac{3^2 \times 9^{-k}}{27} = 3^k$$

Penyelesaian:

$$\frac{3^2 \times 9^{-k}}{27} = 3^k$$

$$\frac{1}{3^2} \times 9^{-k} = 3^k \times 3^3$$

$$3^2 \times 3^{2(-k)} = 3^k \times 3^3$$

$$3^{2-2k} = 3^{k+3}$$

Maka,

$$\frac{1}{2} - 2k = k + 3$$

$$-2k - k = 3 - \frac{1}{2}$$

$$-3k = \frac{5}{2}$$

$$k = -\frac{5}{6}$$

Contoh 2:

(a) Ungkapkan dalam sebutan termudah.

$$\frac{(25x^2y^3)^2 (xy^2)^{-2}}{125x^3y^2}$$

(b) Tunjukkan bahawa, bagi semua nilai integer positif k , ungkapan $f(k) = 7^{k+1} - 5(7^k) + 7^{k-1}$ boleh dibahagi tepat dengan tiga.

Penyelesaian:

(a)
$$\frac{(25x^2y^3)^2 (xy^2)^{-2}}{125x^3y^2}$$

$$= \frac{25^2 x^4 y^6 \times x^{-2} y^{-4}}{125x^3y^2}$$

$$= 5x^{4-2} \cdot 5^{-2} y^{6-2-4}$$

$$= 5x^{-1} y^0$$

$$= 5x^{-1}$$

(b) $f(k) = 7^{k+1} - 5(7^k) + 7^{k-1}$

$$= 7^k(7) - 5(7^k) + 7^k\left(\frac{1}{7}\right)$$

$$= 7^k\left(7 - 5 + \frac{1}{7}\right)$$

$$= 7^k\left(\frac{15}{7}\right)$$

$$= 15(7^{k-1})$$

$$= 3 \times 5 \times 7^{k-1}$$

Maka, bagi semua nilai integer positif k , 3 ialah satu faktor bagi $f(k)$.
 $\therefore f(k)$ boleh dibahagi dengan 3.

Contoh 3:

Permudahkan ungkapan logaritma

$$\log_7(xy^2z) - 2 \log_7\left(\frac{x}{y}\right) + \log_7(yz)$$

Penyelesaian:

$$\log_7(xy^2z) - 2 \log_7\left(\frac{x}{y}\right) + \log_7(yz)$$

$$= \log_7[(xyz)(yz)] - \log_7\left(\frac{x}{y}\right)^2$$

$$= \log_7\left[\frac{(xyz)(yz)}{\left(\frac{x}{y}\right)^2}\right]$$

$$= \log_7\left(\frac{y^4 z^2}{x}\right)$$

Contoh 4:

Selesaikan persamaan $\log_5(m-2) + 3 = 2 \log_5(3m+4)$.

Penyelesaian:

$$\log_5(m-2) + 3 = 2 \log_5(3m+4)$$

$$3 = \log_5(3m+4)^2 - \log_5(m-2)$$

$$\log_5(3m+4)^2 - \log_5(m-2) = 3$$

$$\log_5\left[\frac{(3m+4)^2}{(m-2)}\right] = 3$$

$$\frac{(3m+4)^2}{(m-2)} = 5^3$$

$$(3m+4)^2 = 125(m-2)$$

$$9m^2 + 24m + 16 = 125m - 250$$

$$9m^2 - 101m + 266 = 0$$

$$m = \frac{-(-101) \pm \sqrt{(-101)^2 - 4(9)(266)}}{2(9)}$$

$$m = 7 \text{ atau } m = \frac{38}{9}$$

• **Latihan**

1 Without using a calculator, evaluate
Tanpa menggunakan kalkulator, nilaikan

(a) $0.216^{\frac{2}{3}}$ (b) $(\sqrt{6})^4$

2 Simplify each of the following expressions.
Permudahkan setiap ungkapan berikut.

(a) $(27x^6y^{-6})^{\frac{1}{3}}$

(b) $(4m^6n^{-8})^{\frac{1}{2}} \div (27m^3n^6)^{\frac{1}{3}}$

(c) $(\log_p \sqrt{q})(\log_q r^3)(\log_r p^4)$

3 Given that $2(3^k) - 3^{k+1} + 3^{k+3} = m(3^k)$, find the value of m .
Diberi bahawa $2(3^k) - 3^{k+1} + 3^{k+3} = m(3^k)$, cari nilai bagi m .

4 Given that $5^{x+3} - 6(5^{x+1}) - 3(5^{x+2}) = y(5^{x+1})$, find the value of y .
Diberi bahawa $5^{x+3} - 6(5^{x+1}) - 3(5^{x+2}) = y(5^{x+1})$, cari nilai bagi y .

5 Solve each of the following equations:
Selesaikan setiap persamaan berikut:

(a) $49^{2m-5} - 7^{m+2} = 0$

(b) $3^{m+1} + 3^m = 12$

(c) $2^{m+1} = 4\left(\frac{1}{8}\right)^m$

6 Simplify each of the following expression as a single logarithm.

Permudahkan setiap ungkapan berikut sebagai logaritma tunggal.

(a) $\log_3 2 + 2 \log_3 4 - \log_3 8$

(b) $\log_2 \frac{9}{25} + \log_2 \frac{5}{3} - \log_2 \frac{7}{5}$

(c) $\frac{1}{2} - 2 \log_x h - 3 \log_x k$

7 Solve each of the following equations:

Selesaikan setiap persamaan berikut:

(a) $\log_5(m-5) + 3 = \log_5(2m+2)$

(b) $(\log_2 49)(\log_2 25)(\log_3 m) = 4$

(c) $\log_6(m+3) + \log_6 3 = 2$

8 Solve the following simultaneous equations:

Selesaikan persamaan serentak berikut:

$$25^p - q = \frac{1}{25}$$

$$\log_5(3p+2) - \log_2(q+1) = 1$$

9 Given that $\log_2 x = p$ and $\log_2 y = q$, express $\log_8 \frac{4x}{y}$ in term of p and q .

Diberi bahawa $\log_2 x = p$ dan $\log_2 y = q$, ungkapkan

$$\log_8 \frac{4x}{y} \text{ dalam sebutan } p \text{ dan } q.$$

10 After n years, the value of a new television is RM4 700(0.889) ^{n} . Calculate the number of years it takes for the value of television to be less than RM1 000 for the first time.

Selepas n tahun, nilai televisyen baharu ialah RM4 700(0.889) ^{n} . Hitung bilangan tahun yang diperlukan supaya nilai televisyen kurang daripada RM1 000 untuk kali pertama.

11 The total amount of money deposited in a fixed deposit account in a finance company after a period of n years

is given by RM20 000 $\left(\frac{26}{25}\right)^n$. Calculate the minimum

number of years needed for the amount of money to exceed RM45 000.

Jumlah wang yang didepositkan ke dalam akaun simpanan tetap di sebuah syarikat kewangan

selepas tempoh n tahun ialah RM20 000 $\left(\frac{26}{25}\right)^n$.

Hitung jumlah minimum tahun yang diperlukan supaya nilai wangnya melebihi RM45 000.

KESEDARAN TENTANG PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA

Ciri-ciri Negara dan Bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka

Perincian Wilayah Pengaruh

1. Wilayah merujuk kepada **kawasan yang didiami** oleh masyarakat atau rakyat Melaka.
2. Wilayah Melaka merujuk kepada **satu lingkungan sempadan** yang diterima dan diakui.
3. Wilayah pengaruh Melaka meliputi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu manakala di Sumatera pula meliputi wilayah-wilayah seperti Rokan, Siak, Kampar, Bengkalis dan Jambi. Wilayah ini merupakan keseluruhan bahagian Timur Sumatera.
4. Wilayah-wilayah ini menjadi pengaruh atau **empayar Melaka** melalui perakuan taat setia penduduknya terhadap penguasaan pemerintah Melaka.

Kedaulatan

1. Kedaulatan ialah **kuasa penuh yang diberikan kepada seorang pemerintah atau negara** dalam melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara tersebut.
2. Pemerintah menggunakan kuasanya dengan **menggubal dan melaksanakan undang-undang** tersebut.
3. Kedaulatan adalah elemen penting yang **menjamin sesebuah negara bebas daripada penjajahan** ataupun campur tangan kuasa-kuasa asing.
4. Pemerintah Melaka mempunyai kedaulatan penuh terhadap rakyat dan negaranya. **Kuasa mutlak raja** meliputi semua hal dan rakyat harus mengakui kuasa tersebut.

Lambang-lambang

1. Lambang-lambang negara **mencerminkan identiti negara** tersebut.
2. Lambang-lambang negara **meliputi bahasa, bendera dan sebagainya**.
3. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, antara lambang yang penting ialah:
 - (a) **Bahasa Melayu** sebagai bahasa kebangsaan
 - (b) **Agama Islam** sebagai agama rasmi
 - (c) **Alat-alat kebesaran raja** seperti nobat, warna diraja, bahasa, undang-undang, protokol serta adat istiadat istana

Keunggulan Undang-undang

1. Undang-undang adalah **elemen penting bagi sesebuah negara** atau kerajaan.
2. Undang-undang **menjamin dan memelihara keamanan** serta kesejahteraan rakyat.
3. Undang-undang penting dan berperanan untuk **mengawal tindak tanduk anggota masyarakat**
4. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, terdapat **dua sumber undang-undang** iaitu:
 - (a) **Hukum Kanun Melaka**
 - (b) **Undang-undang Laut Melaka**
5. **Hukum Kanun Melaka**:
 - (a) Mengandungi **44 fasal**
 - (b) Menyentuh tentang **kedudukan raja serta pembesar**
 - (c) **Hukuman** atas kesalahan jenayah awam
 - (d) **Undang-undang sivil**
 - (e) **Pantang larang** terhadap rakyat
6. **Undang-undang Laut Melaka**:
 - (a) Membincangkan tentang **peraturan-peraturan yang harus dipatuhi semasa pelayaran**
 - (b) Tanggungjawab serta tugas dan **kuasa pengawal kapal**
 - (c) **Atur cara pelayaran**
 - (d) **Bidang kuasa nakhoda kapal**
 - (e) **Hukuman** bagi kesalahan yang dilakukan semasa pelayaran


Rakyat

1. Rakyat bermaksud **masyarakat yang mendiami sesebuah wilayah atau kawasan**. Rakyat tertakluk kepada undang-undang yang wujud dan dilaksanakan di wilayah tersebut.

2. Mereka harus **taat kepada raja atau pemerintah** dan menjadi tenaga kerahan sekiranya diperlukan.
3. Amalan **gotong-royong** pula adalah elemen penting dalam masyarakat Melaka.
4. Di samping itu, rakyat juga perlu **bersedia untuk mempertahankan negara** daripada ancaman kuasa luar.

Kerajaan

1. Kerajaan ialah **badan yang berperanan menjalankan pentadbiran** sesebuah kerajaan. Antara fungsi kerajaan ialah:
 - (a) **Menjaga keamanan**
 - (b) **Mempertahankan kedaulatan**
 - (c) **Menjalankan hubungan diplomatik**
2. Kesultanan Melayu Melaka mengamalkan sistem pemerintahan berasaskan **Sistem Pembesar Empat Lipatan**. **Sultan atau Raja** menduduki tempat yang paling atas atau di puncak.
3. Ini diikuti oleh **Pembesar Berempat** yang terdiri daripada Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana.
4. Kemudian, diikuti oleh **Pembesar Berlipan** yang membantu Pembesar Berempat. Setelah itu, **Pembesar Enam Belas** pula membantu Pembesar Berlipan. **Pembesar Tiga Puluh Dua** pula membantu Pembesar Enam Belas.




5. Setiap pembesar mempunyai **tugas dan tanggungjawab** masing-masing. Mereka bertanggungjawab melaksanakan tugas agar Melaka mempunyai pemerintahan yang teratur dan rakyatnya dapat hidup dalam keadaan aman dan sentosa.
6. Pengaruh Kesultanan Melayu Melaka dapat dikesan dalam semua aspek di negeri-negeri Melayu, antaranya pemerintahan, perundangan dan adat istiadat serta gelaran.

Latihan

Kertas 1

1. Rajah 1 menunjukkan sistem pentadbiran Adat Perpatih di Negeri Sembilan.



Rajah 1

Apakah tugas Lembaga?

- A Menjaga adat resam
- B Memilih Undang
- C Melantik Yang Dipertuan Besar
- D Menyelesaikan masalah Anak Buah

2. Perkara berikut merupakan gelaran yang digunakan oleh golongan pembesar di Kelantan.

- Nik
- Wan

Bagaimanakah golongan tersebut mengukuhkan kewibawaan Sultan?

- A Menjalankan upacara pelantikan
- B Menggunakan unsur mitos
- C Memberikan kesetiaan padu
- D Menyediakan kerahan tenaga

3. Undang-undang berikut digubal untuk menghalang rancangan British menguasai negeri Melayu.

- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor
- X

Apakah X?

- A Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah
- B Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
- C Undang-undang Tubuh Kerajaan Kelantan
- D Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu

4. Mengapakah negeri Johor dikatakan telah mempunyai ciri asas pembinaan negara dan bangsa pada tahun 1895?

- A Pembentukan kerajaan berkuasa mutlak
- B Pemilihan pemerintah berlandaskan musyawarah
- C Penggubalan perlembagaan bertulis yang lengkap
- D Pemberian kerakyatan kepada pelbagai kaum

Kertas 2

1. Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 merupakan asas pembinaan negara dan bangsa kita. Kesultanan Melayu Melaka juga meninggalkan kesan dan warisan sosiopolitik dalam sistem pemerintahan negara kita hari ini.

- (a) Jelaskan ciri-ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka. [4 markah]

- (b) Malaysia hari ini banyak mewarisi aspek politik dan sosial daripada Kesultanan Melayu Melaka. Jelaskan. [4 markah]

- (c) Rakyat Malaysia mampu memperkukuh pembinaan negara dan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan progresif. Beri pendapat anda. [2 markah]

2. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu diperkenalkan pada tahun 1911.

- (a) Siapakah yang memperkenalkan undang-undang tubuh tersebut? [1 markah]

- (b) Undang-undang tersebut diperkenalkan dengan matlamatnya yang tertentu. Jelaskan. [2 markah]

- (c) Mengikut undang-undang tersebut, upacara pertabalan seorang Sultan perlu mematuhi syarat tertentu. Apakah syarat-syaratnya?

- (i) _____
- (ii) _____ [2 markah]

- (d) Undang-undang tersebut dapat memelihara kedaulatan negeri. Buktikan. [2 markah]

LARANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA

Tajuk perbincangan minggu ini adalah berkaitan ayat kefahaman Tingkatan Empat iaitu Larangan Mempersendakan Agama, daripada surah al-An'am ayat 70.

Soalan di bawah tajuk ayat kefahaman, merangkumi soalan berkaitan intisari ayat dan hukum tajwid.

Analisis soalan peperiksaan yang lalu,

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Nombor soalan	-	2(a) (i), (ii), (iii) Soalan Kefahaman	-	-	1(a) (i), (ii), (iii) Soalan Kefahaman	-

Teknik menjawab soalan,

- Surah al-An'am ayat 70 di atas menjelaskan tentang larangan mempersendakan agama Islam sama ada melalui lisan atau perbuatan. Berdasarkan ayat tersebut,
 - Senaraikan perbuatan mempersendakan agama.
 - Nyatakan balasan perbuatan tersebut.
 - Namakan **dua** golongan yang mempersendakan Islam pada zaman Rasulullah SAW.
 - Cadangkan **dua** cara mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan mempersendakan agama.


Ulasan,

- Calon-calon hendaklah mengenal pasti bentuk kata tugas yang digunakan dalam soalan, contohnya,
 - Senaraikan**; calon hanya perlu menyenaraikan secara ringkas tanpa penghuraian yang panjang.
 - Nyatakan dan namakan**; calon hanya perlu memberikan jawapan yang khusus tanpa memerlukan penerangan lanjut.
